

1. Apakah bidang yang sangat diutamakan oleh tokoh yang berikut?

Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

- ☐ A Pendidikan
☐ B Pentadbiran
☐ C Pertahanan
☐ D Perundangan

2. Apakah negeri yang paling akhir menerima Penasihat British?

- ☐ A Johor
☐ B Perlis
☐ C Kelantan
☐ D Terengganu

3. Tokoh-tokoh berikut merupakan ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan.

- Raja Chulan (Raja Di Hilir Perak)
- Dato' Abdullah Haji Dahlan (Undang Lauk Rembau)

Apakah tuntutan mereka dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan?

- I Mengawal kemasukan buruh asing
II Menambahkan peluang pekerjaan
III Pembentukan Rejimen Askar Melayu
IV Membuka petempatan bagi kaum Melayu

- ☐ A I dan II
☐ B I dan IV
☐ C II dan III
☐ D III dan IV

4. Apakah negeri Melayu pertama yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan?

- ☐ A Johor
☐ B Kedah
☐ C Pahang
☐ D Selangor

5. Jadual berikut menunjukkan perlembagaan yang dimasyhurkan oleh Sultan Abu Bakar.

Tarikh	14 April 1895
Perlembagaan	Sultan Abu Bakar memasyhurkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor

Apakah kesan pamasyhuran perlembagaan tersebut terhadap Johor?

- I Mengamalkan unsur demokrasi
II Memansuhkan pengaruh pembesar
III Memperkukuh sistem pertahanan
IV Mengamalkan sistem pemerintahan beraja

- ☐ A I dan II
☐ B I dan IV
☐ C II dan III
☐ D III dan IV

6. Apakah sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh berikut terhadap kemajuan negara?

Wan Muhammad Saman

- ☐ A Pembinaan terusan
- ☐ B Pembinaan sekolah
- ☐ C Pembinaan jalan raya
- ☐ D Pembinaan jalan kereta api

7. Sistem perundangan berikut telah diguna pakai oleh kerajaan Johor.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor

Undang-undang tersebut mempunyai _____.

- ☐ A 60 fasal
- ☐ B 62 fasal
- ☐ C 64 fasal
- ☐ D 66 fasal

8. Pada tahun 1910, termeterai perjanjian antara British dengan Kelantan. Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Sultan Kelantan?

- I Diberikan pencen bulanan
- II Menggubal perlembagaan
- III Menerima nasihat Penasihat British
- IV Berhubung dengan kuasa luar melalui Penasihat British

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

9. Perjanjian Bangkok 1909 membawa kepada penglibatan J.S. Mason dalam sistem pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Beliau telah dihantar sebagai wakil British untuk menemui _____.

- ☐ A pemerintah Perlis
- ☐ B pemerintah Kedah
- ☐ C pemerintah Kelantan
- ☐ D pemerintah Terengganu

10. Jadual berikut berkaitan dengan Durbar.

Tahun	Durbar
1903	Durbar di Kuala Lumpur
1932	Durbar di Pekan, Pahang

Apakah desakan Raja-Raja Melayu dalam Durbar tersebut?

- ☐ A Pengembalian kuasa raja
- ☐ B Penubuhan sekolah Barat
- ☐ C Pemansuhan Majlis Negeri
- ☐ D Penyekatan buruh dari luar

11. Tindakan berikut telah dilakukan oleh pembesar kerajaan Johor.

Mewajibkan pegawai British di Johor memakai pakaian rasmi kerajaan.

Arahan tersebut telah dilakukan oleh _____.

- ☐ A Dato' Jaafar bin Muhammad
- ☐ B Dato' Abdul Rahman bin Andak
- ☐ C Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi
- ☐ D Dato' Muhammad Salleh bin Perang

12. Jadual berikut menunjukkan perjanjian di Perlis.

Tarikh	28 April 1930
Perjanjian	Perjanjian Perlis-British

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Perlis?

- ☐ A Membuat hubungan dengan Siam
- ☐ B Menolak Penasihat British
- ☐ C Memulihkan sistem beraja
- ☐ D Menjadi naungan British

13. Selepas Perjanjian Bangkok 1909, sebahagian besar penduduk Tabal telah berhijrah ke Kelantan. Mengapakah berlaku penghijrahan tersebut?

- ☐ A Kesengsaraan ekonomi
- ☐ B Pengharaman warisan tradisi
- ☐ C Penghakisan kuasa mutlak sultan
- ☐ D Keengganan menerima pemerintahan asing

14. Apakah faktor yang membantutkan cita-cita British untuk meluaskan kuasa ke atas negeri Johor?

- ☐ A Pemodenan sistem pentadbiran kerajaan negeri
- ☐ B Penubuhan pelbagai badan dan jabatan kerajaan
- ☐ C Pembinaan kubu pertahanan di setiap muara sungai
- ☐ D Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri

15. Tindakan berikut telah dilakukan oleh pentadbiran British.

Menempatkan Residen British di negeri X pada tahun 1895

Apakah negeri X tersebut?

- ☐ A Perak
- ☐ B Pahang
- ☐ C Selangor
- ☐ D Negeri Sembilan

16. Jadual berikut menunjukkan sumbangan pembesar Johor.

Pembesar	Sumbangan
Dato' Muhammad Salleh bin Perang	X
Dato' Jaafar bin Muhammad	Memantapkan pentadbiran

Apakah X?

- ☐ A Membangunkan bandar
- ☐ B Mengawal hubungan luar
- ☐ C Memperkenalkan pendidikan
- ☐ D Menggubal undang-undang tubuh

17. Bagaimanakah Dato' Jaafar bin Muhammad berusaha memelihara kedaulatan negeri Johor?

- ☐ A Menubuhkan Majlis Negeri
- ☐ B Menubuhkan Jabatan Pelajaran
- ☐ C Mewajibkan pendidikan kepada kanak-kanak Johor
- ☐ D Pegawai British wajib memakai pakaian rasmi Johor

18. Gambar berikut menunjukkan Wan Muhammad Saman, Perdana Menteri Kedah (1870 – 1898).



Wan Muhammad Saman

Apakah sumbangan beliau kepada Kedah?

- I Mewajibkan pendidikan
- II Menyekat kemaraan Barat
- III Membangunkan negeri
- IV Memakmurkan pertanian

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

19. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor digubal pada tahun 1895. Mengapakah undang-undang tersebut penting kepada Johor?

- I Memperkukuh sistem pertahanan
- II Mempertahankan identiti negeri
- III Mengimbangi kuasa British
- IV Menyatupadukan penduduk

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

20. Ketua Anak Negeri di Sabah digelar Orang Kaya-kaya (O.K.K.)

Apakah peranan mereka dalam pentadbiran Sabah?

- I Mengurus pembahagian tanah
- II Menjaga keamanan peringkat daerah
- III Mengetuai pentadbiran di peringkat daerah
- IV Mengetuai upacara keagamaan peringkat daerah

☐ A I dan II

☐ B I dan IV

☐ C II dan III

☐ D III dan IV